



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

PUTRA
PERTANIAN UNTUK RAKYAT

PUSAT PEMBANGUNAN DAN KECEMERLANGAN KEPEMIMPINAN AKADEMIK
CENTRE FOR ACADEMIC DEVELOPMENT AND LEADERSHIP EXCELLENCE

Rujukan Kami : UPM.CADe-Lead.100-7/8/6
Tarikh : 14 Oktober 2025

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan,

PELAWAAN PENCALONAN ANUGERAH FELLOWSHIP NAIB CANSELOR (KATEGORI PENGAJARAN) 2025 (AFNC-KP 2025) UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pencalonan Anugerah Fellowship Naib Canselor (Kategori Pengajaran) 2025 (AFNC-KP 2025) UPM dibuka mulai **14 Oktober hingga 7 November 2025**. AFNC-KP adalah pengiktirafan kepada pegawai akademik yang mempamerkan kecemerlangan dan daya inovasi tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran. AFNC-KP juga merupakan wahana bagi mengenal pasti calon mewakili UPM untuk ke Anugerah Akademik Negara (AAN) Kategori Pengajaran.

3. Sehubungan itu, Pusat Pembangunan dan Kecemerlangan Kepemimpinan Akademik (CADe-Lead) selaku Urus Setia AFNC-KP 2025 memohon jasa baik YBhg. Dato'/Prof./tuan/puan untuk memaklumkan dan menghebahkan kepada staf akademik di Pusat Tanggungjawab (PTJ) YBhg. Dato'/Prof./tuan/puan untuk memohon sebagai calon AFNC-KP 2025 bagi kategori seperti berikut:

- i. Kategori Pengajar Cemerlang [tempoh perkhidmatan sekurang-kurangnya 10 tahun (≥ 10 tahun)]
- ii. Kategori Pengajar Muda [tempoh perkhidmatan kurang 10 tahun (< 10 tahun)]

4. Setiap permohonan mestilah melalui Ketua PTJ. Maklumat lanjut dan borang pencalonan AFNC-KP 2025 boleh dimuat turun melalui pautan: https://cadelead.upm.edu.my/kandungan/afnc_kp2025_pengumuman-89176.

Bersama ini disertakan dokumen tersebut untuk rujukan dan tindakan YBhg. Dato'/Prof./tuan/puan selanjutnya.

- i. Borang Pencalonan dan Senarai Semak
- ii. Garis Panduan Pencalonan AFNC-KP 2025

5. Borang pencalonan yang telah lengkap hendaklah dimajukan kepada **Urus Setia AFNC-KP 2025 di CADe-Lead selewat-lewatnya pada 7 November 2025 (Jumaat)**. Sebarang pertanyaan lanjut, YBhg. Dato'Prof./tuan/puan boleh menghubungi Urus setia AFNC-KP di talian 03-9769 6044 (Cik Azura Adam) /2080 (Encik Muhammad Faiz bin Zakaria).

Segala kerjasama dan perhatian YBhg. Dato'/Prof./tuan/puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"
"BERILMU BERBAKTI"

Saya yang menjalankan amanah,



PROF. MADYA Ts. DR. WAN ZUHAINIS SAAD

Pengarah

Pusat Pembangunan dan Kecemerlangan Kepemimpinan Akademik
Universiti Putra Malaysia

s.k. **Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)**
Universiti Putra Malaysia

SENARAI EDARAN

Dekan, Fakulti Pertanian
Dekan, Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar
Dekan, Fakulti Perubatan Veterinar
Dekan, Fakulti Kejuruteraan
Dekan, Fakulti Pengajian Pendidikan
Dekan, Fakulti Sains
Dekan, Fakulti Sains dan Teknologi Makanan
Dekan, Fakulti Ekologi Manusia
Dekan, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Dekan, Fakulti Rekabentuk dan Senibina
Dekan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
Dekan, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
Dekan, Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul
Dekan, Sekolah Perniagaan dan Ekonomi
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM SERDANG

Dekan, Fakulti Sains Pertanian dan Perhutanan
Dekan, Fakulti Kemanusiaan, Pengurusan dan Sains
Universiti Putra Malaysia Sarawak
Jalan Nyabau
97008 Bintulu
Sarawak